

27/08/2002

PSDC pusat latihan terbaik di Malaysia

Ridzuan Yop

PUSAT Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), kini muncul satu daripada pusat latihan terbaik di Malaysia dengan pelajar kejuruteraannya berpeluang mempelajari pelbagai aspek berkaitan industri.

Ketika ini, PSDC yang bertempat di Bayan Lepas, mempunyai 15 makmal dan bengkel termasuk makmal komputer, elektronik, pemrosesan mikro dan kuasa, mekatronik dan automasi pemrograman, bengkel latihan kejituan, bengkel mekanikal, kemudahan reka bentuk serta reka bentuk simulasi.

Program lain yang dijalankan di PSDC, termasuk projek pelajar dan gelombang radio (RF), sains mekanikal dan hidraulik, teknologi pengeluaran lanjutan dan makmal multimedia.

Pengarah Eksekutif PSDC, Boonler Somchit, berkata perbezaan PSDC berbanding institusi latihan lain adalah sokongan yang diterima daripada 83 ahli PSDC seperti Altera, Fairchild, Hewlett-Packard (Agilent Technologies), Intel, Motorola, Robert Bosch dan Seagate.

Katanya, ahli korporat PSDC mengambil bahagian yang utama dalam menilai isi kandungan dan kualiti program kejuruteraan dan IT yang ditawarkan.

Justeru, beliau berkata, graduan PSDC dilengkapi kemahiran yang bertepatan dan ini memudahkan mereka untuk mendapat kerja dalam sektor industri.

"Di PSDC, mereka dilatih untuk memenuhi keperluan spesifik sektor perindustrian.

"Hubungan yang rapat dengan industri membolehkan PSDC mengambil jurulatih berpengalaman luas sebagai jurutera menjadi sebahagian daripada tenaga pengajar PSDC," katanya.

Boonler berkata, ahli PSDC bersama kerajaan negeri menyumbang lebih daripada RM12 juta bagi menyediakan kemudahan terkini di pusat latihan itu.

Penubuhan PSDC adalah hasil seminar yang diselenggarakan Majlis Perniagaan Amerika (ABC) di Pulau Pinang, pada 1987, yang memberi tumpuan khusus terhadap masalah kekurangan tenaga kerja mahir dalam sektor pengeluaran di negara ini.

Kekurangan tenaga kerja mahir dikenal pasti berpunca daripada peningkatan kegunaan teknologi tinggi dan terkini bagi menggantikan tenaga manusia dalam sektor industri.

Melalui kepimpinan bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Tun Dr Lim Chong Eu, kerajaan negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bertindak balas terhadap keadaan itu dengan mengadakan beberapa mesyuarat bersama ketua eksekutif syarikat multinasional (MNC) di negeri itu bagi membincangkan penubuhan sebuah pusat teknikal terkini di Pulau Pinang.

Akhirnya pada 21 April 1989, PSDC direalisasikan dengan pencalonan jawatankuasa penaja pengurusan PSDC dan pada 3 Mei 1989 PSDC menjadi realiti.

PSDC dikenali sebagai institusi latihan berasaskan industri yang pertama di Malaysia.

Far Eastern Economic Review dalam keluarannya pada Januari 1994 melaporkan, 'PSDC adalah sesuatu yang unik bagi Malaysia, bukan saja keupayaannya melahirkan tenaga mahir seperti juruteknik dan jurutera, tetapi juga kesanggupan syarikat MNC yang bersaing mengumpul sumber untuk membiayainya,'.

Pada 19 Julai 1994, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mengakui PSDC adalah contoh terbaik konsep 'Persyarikatan

Malaysia'.

Kenyataan beliau menarik minat beberapa negara jiran untuk menggunakan konsep yang sama.

Ketika ini terdapat 12 pusat kemahiran seumpamanya di seluruh negara dengan menjadikan PSDC sebagai kayu pengukur.